

MEDIA RELEASE

Untuk Siaran Segera

15 Mei 2019

UEM EDGENTA CATAT 22% PERTUMBUHAN KEUNTUNGAN UNTUK TK2018 DAN SUSUN STRATEGI BAGI MEMACU PERTUMBUHAN DUA DIGIT PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG

- Keuntungan bersih sebanyak RM152.4 juta untuk TK2018, mewakili pertumbuhan sebanyak 22% berbanding RM125.1 juta untuk TK2017.
- Mengisytiharkan pembayaran dividen tahun penuh sebanyak 14 sen.
- Ramalan pertumbuhan dua digit dalam TK2019.
- Syarikat melabur lebih RM80 juta dalam modal insan & teknologi untuk tempoh tiga tahun akan datang bagi memacu pertumbuhan dalam semua bahagian pada masa hadapan.

Kuala Lumpur, 15 Mei 2019 – UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), syarikat Pengurusan Aset dan Infrastruktur terkemuka di rantau ini telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-56 ("AGM") di sini hari ini.

Selepas berkongsi keputusan Syarikat untuk TK2018 yang mencatatkan keuntungan dan pertumbuhan untuk setahun lagi, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, Dato' Azmir Merican berkongsi perancangan Syarikat untuk mencapai pertumbuhan dua digit dalam persekitaran operasi yang mencabar. Beliau komited untuk mencapai pertumbuhan yang mampan dan kesinambungan dalam penyampaian nisbah pembayaran dividen yang mantap (sehingga 80%). Ini selepas Syarikat mencapai keuntungan dan pertumbuhan pada tahun yang lain.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, UEM Edgenta mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 3% kepada RM2.2 bilion berbanding pendapatan tahun sebelumnya sebanyak RM2.1 bilion. Keuntungan Sebelum Cukai ("PBT") meningkat kepada RM198.5 juta bagi TK2018 yang didorong oleh penambahbaikan yang dicapai melalui kecekapan kumpulan dan kos pembiayaan yang lebih rendah, menjurus kepada kenaikan margin PBT kepada 9% pada TK2018 berbanding 8% pada TK2017. Keuntungan bersih pula dicatatkan pada RM152.4 juta.

Peningkatan margin PBT dalam TK2018 juga disebabkan oleh peningkatan kecekapan operasi, terutamanya dalam proses kerja yang terus mempertingkatkan kecemerlangan operasi, nilai pelanggan, serta penghapusan sisa dan pembaziran menerusi program LEAN yang digunakan dalam pelbagai bidang perniagaan di seluruh syarikat.

Setakat 31 Disember 2018, kerja-kerja yang sedang dilaksanakan oleh Syarikat bernilai RM13.4 bilion; kebanyakannya didorong oleh segmen utama yang mencatatkan pulangan berterusan.

Prestasi kukuh di Bahagian **Healthcare Support** mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.9% dalam pendapatan dan keuntungan bersih sebanyak 7.1%, dan berada pada trend menaik dengan memanfaatkan peluang di luar bidang kerja konsesi secara proaktif dalam memperkenalkan penyelesaian tambah nilai kepada hospital milik Kementerian Kesihatan ("KKM") dan klinik di bawah jagaannya di Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

Pelaksanaan sistem *UETrack*[™] di hospital terpilih adalah yang pertama untuk hospital kerajaan di Malaysia. Sistem ini beroperasi sebagai satu sistem pengurusan bangunan pintar yang membolehkan penyelesaian secara automatik yang efektif dan menghasilkan laporan pintar yang dapat membantu dari segi membuat keputusan, serta berfungsi sebagai pemangkin untuk memacu keupayaan ramalan penyelenggaraan, dan tidak bergantung kepada penyelenggaraan konvensional yang rutin dan berjadual sahaja.

Operasi Bahagian Sokongan Penjagaan Kesihatan di Singapura, Taiwan dan Malaysia berjaya memperolehi projek baharu dalam beberapa bulan kebelakangan ini, di mana semuanya dijangka memberi kesan positif kepada prestasi Syarikat pada tahun 2019. Ini termasuk Hospital Tan Tock Seng, Assisi Hospice dan Pusat Perubatan Jurong, di Singapura; Hospital Universiti Nasional Taiwan dan Hospital Universiti Perubatan Taipei di Taiwan, serta Kumpulan KPJ Healthcare dan Hospital Vaskular Sentral Jantung Kuala Lumpur di Malaysia. Pembaharuan kontrak juga telah berjaya diperolehi daripada beberapa hospital dan fasiliti di Singapura dan Malaysia, yang sebahagiannya telah berkuat kuasa sejak suku pertama TK2019.

Prestasi Bahagian **Property & Facility Solutions** pada TK2018 menunjukkan peningkatan pendapatan dan keuntungan bersih masing-masing sebanyak 19.1% dan 50.4% dan sebahagian besarnya disebabkan oleh pembangunan khidmat nasihat untuk Tun Razak Exchange serta fasiliti dan perkhidmatan pengurusan bandar untuk bangunan-bangunan CIMB, Medini Iskandar dan Marina View Residences. Syarikat akan terus memberi tumpuan untuk mengekalkan trajektori pertumbuhan di bahagian ini melalui pembezaan penawaran perkhidmatan, memberi tumpuan kepada penambahbaikan aset melalui aplikasi dan platform teknologi yang juga akan membantu meningkatkan kecekapan dan keuntungan.

KFM Holdings Sdn Bhd yang telah menjadi sebahagian daripada UEM Edgenta pada tahun 2016, telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai Edgenta GreenTech Sdn Bhd untuk memanfaatkan nilai jenama Edgenta dalam sektor pembangunan mampan. Penjenamaan itu akan memberikan dorongan kepada strategi pertumbuhannya, di mana dalam beberapa bulan yang lepas, telah tertumpu kepada pelaksanaan penyelesaian kontrak prestasi tenaga. Ini hasil daripada peruntukan Kerajaan Malaysia sebanyak RM2 bilion kepada Skim Pembiayaan Teknologi Hijau dalam Bajet 2019 untuk memberi insentif kepada pelaburan dalam Teknologi Hijau.

Bahagian **Infrastructure Services** mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 2.3% pada TK2018, terutamanya melalui kerja-kerja penyelenggaraan awam dan turapan untuk lebuhraya. Pertumbuhan yang direkodkan adalah sederhana kerana unjuran projek infrastruktur utama negara tidak berlaku.

Kos juga direkodkan untuk pembangunan Pusat Penyelidikan Turapan Jalan, yang menyokong visi Syarikat untuk membangunkan produk-produk baharu dan lebih tahan lama untuk digunakan di atas jalan berturap. Bagi TK2019, Syarikat akan meneruskan inisiatif operasi, termasuk program "LEAN" untuk menambah baik proses, dan juga meningkatkan pelaburan dalam bidang teknologi inovatif.

Walaupun persekitaran pasaran agak mencabar, bahagian ini akan terus menerokai peluang pertumbuhan lain. Pada masa ini, bahagian tersebut akan menyiapkan kerja-kerja penyelenggaraan untuk lebih daripada 2,500 kilometer lebuh raya dan jalan-jalan negeri di seluruh Malaysia dan Indonesia. Di Indonesia, bahagian Perkhidmatan Infrastruktur baru-baru ini telah menandatangani perjanjian kerjasama dengan Astra Infra Services untuk menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan Jalan Tol Cikampek-Palimanan, sementara di Malaysia, berjaya memperolehi tender untuk menaik taraf loji rawatan kumbahan dan kemudahan sampingan di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan. Pelaksanaan Kontrak Berasaskan Prestasi ("PBC") yang berterusan akan menjadi asas kepada model penyampaian perkhidmatannya, memacu kecekapan dan inovasi.

Pengenalan kepada penggunaan jentera baharu - MULAG Grass Cutter dan DULEVO Road Sweepers, dijangka menyumbang, dan memberi kesan positif terhadap operasi melalui pengurangan kos tenaga kerja dan menambah baik prosedur keselamatan untuk warga kerja operasi di barisan hadapan dan pengguna jalan raya. Sebagai sebahagian daripada usaha mampannya, bahagian ini akan memberi tumpuan untuk meningkatkan kebolehan operasi dan standard keselamatan dengan pengenalan prosedur operasi baharu dalam melaksanakan kerja-kerja rutin dan penyelenggaraan dengan rangkaian rakan perkhidmatannya.

Bahagian **Asset Consultancy** akan terus memberi tumpuan untuk menyiapkan projek yang sedia ada, dan akan kekal optimis terhadap prospek jangka panjang bagi sektor infrastruktur memandangkan pihak berkuasa di peringkat Negeri dan Persekutuan terus komited terhadap pelaksanaan projek-projek utama seperti Lebuhraya Pan Borneo, Projek Naik Taraf Landasan Berkembar Lembah Klang, dan Projek Rangkaian Jalan Pantai & Jalan Utama Kedua Sarawak. Syarikat terus meneroka peluang untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan projek untuk lebuh raya dan jalan raya baharu.

Harapan

Syarikat telah melancarkan pelbagai insentif untuk meningkatkan kecemerlangan organisasi termasuk penubuhan UEM Edgenta Learning Centre yang akan beroperasi sebagai hab serantau bagi semua perkara yang berkaitan dengan peningkatan dan penubuhan piawaian dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik.

"Kami yakin bahawa pada tahun 2019, kami akan dapat memperoleh lebih banyak projek dan perniagaan di dalam negara dan di rantau ini. Bahagian Healthcare Support kami yang beroperasi dalam sektor sokongan penjagaan kesihatan akan terus menjadi pemangkin pertumbuhan yang paling kukuh sementara kami berusaha untuk meningkatkan bahagian pasaran di Singapura, manakala di Taiwan, kami menasarkankan pertumbuhan dalam menawarkan lebih banyak perkhidmatan baharu kepada pelanggan kami yang sedia ada. Di Malaysia, kami sedang melihat ke arah memanfaatkan sinergi secara strategik di antara perniagaan kami," kata Dato' Azmir Merican.

Tambah beliau, "Matlamat kami untuk TK2019 adalah untuk terus kekal dalam mencatatkan keuntungan, dan kami menasarkankan pertumbuhan dua digit untuk tahun yang akan datang. Kami akan dapat mencapai sasaran ini dengan meneruskan tumpuan terhadap pelaburan dalam meningkatkan modal insan dan teknologi yang bertujuan untuk memacu inisiatif penciptaan nilai yang secara dasarnya akan memberi kesan positif kepada kami. Penambahbaikan yang berterusan melalui program LEAN telah pun dilaksanakan dan ia terus memacu kecemerlangan organisasi dan operasi, seterusnya membolehkan kami

menawarkan penyelesaian automatik dan mekanisme baharu kepada perniagaan pelanggan kami.”

Dividen untuk TK2018

Memandangkan prestasi Syarikat yang positif untuk TK2018 dan selaras dengan komitmennya untuk meningkatkan dasar dividen antara 50% hingga 80%, UEM Edgenta telah mengisytiharkan pembayaran dividen penuh tahunan sebanyak 14 sen, menjadikan nisbah pembayaran dividen sebanyak 78.5% berdasarkan PATANCI untuk keputusan TK2018. Jumlah pembayaran dividen pada TK2018 mewakili pendapatan sebanyak 5.1% berdasarkan harga saham pada 31 Disember 2018 iaitu sebanyak RM2.72.

-tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (BSKL: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk Lebuhraya and Rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Dikeluarkan oleh **UEM Edgenta Berhad**; Hubungi Hafiz Noor (hafiznoor@uemedgenta.uemnet.com / 019 424 8283 / 03 2725 6946); Aishah Nor (aishah.nor@uemnet.com / 012 305 0160 / 03 2727 6495); atau Juliana Jamaluddin (juliana.jamaluddin@uemnet.com / 012 340 9438 / 03 2727 6492)